



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi
(Ministry of Plantation Industries and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref.:

Ruj. Kami / Our Ref.: (7)04/C/PD/656/4 Jil. 6

6 Oktober 2022

Semua Pemegang Lesen Kategori Estet (ET)

Tuan,

PENGEMUKAAN MAKLUMAT BERKALA DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PELESENAN) 2005: KAJI SELIDIK KETERDAPATAN DAN PENGGUNAAN BIOJISIM DI SEKTOR PERLADANGAN KELAPA SAWIT MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak tuan sedia maklum, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 [PPLMSM (Pelesenan)] telah diwarta dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2005. Penguatkuasaan peraturan ini adalah termasuk syarat lesen yang dikenakan ke atas setiap kategori yang dinyatakan dalam lesen sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama dan juga apa-apa syarat yang dikenakan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

3. Syarat 4, Syarat Am Bagi Semua Pemegang Lesen mengkehendaki pemegang lesen berhubung dengan kategori yang dinyatakan dalam lesennya, mengemukakan maklumat berkala yang mengandungi maklumat sepanjang pengetahuan mereka adalah lengkap, benar dan tepat kepada pihak Lembaga dan hendaklah diterima oleh pihak Lembaga sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

4. Sehubungan dengan itu, semua pemegang lesen kategori estet (ET) hendaklah mengemukakan maklumat berkala iaitu Kaji Selidik Keterdapatan Dan Penggunaan Biojisim Di Sektor Perladangan Kelapa Sawit Malaysia sebagaimana syarat yang telah dilulus dan ditetapkan dalam Mesyuarat Lembaga ke-119 pada 12 Oktober 2021. Pihak tuan dikehendaki mengemukakan maklum balas kepada Lembaga pada atau sebelum 28 Februari 2023 melalui pos kepada alamat Ketua Unit Teknologi Biojisim Bahagian Kejuruteraan dan Pemprosesan atau boleh berhubung dengan En. Zawawi (No. Telefon: 0133547590, Alamat Emel: zawawi@mpob.gov.my) dan En. Ropandi Mamat (No. Telefon: 0183201130, Alamat Emel: ipin@mpob.gov.my).

5. Kerjasama pihak tuan bagi mematuhi syarat am dan syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 PPLMSM (Pelesenan) adalah diharapkan untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani amanah,

IPTISAM ABDUL WAHAB

Pengarah Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan
b.p. Ketua Pengarah MPOB

- s.k.
- Pengarah Penyelidikan Kejuruteraan & Pemprosesan
 - Semua Pejabat Wilayah MPOB



Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan

Wisma Sawit, Lot 6, SS 6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.

• Tel : 03-7802 2800

• Fax : 03-7803 4014 www.mpob.gov.my